

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD  
AKIN [BUKIT KATIL]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah wang tenaga boleh diperbaharui (Renewable Energy Fund) yang telah dikutip daripada pengguna elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad bagi pihak Sustainable Energy Development Authority (SEDA) bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kutipan sebanyak 1% daripada bil elektrik pengguna kepada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (TBB) telah dilaksanakan bermula daripada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta TBB 2011. Selaras dengan semakan semula tariff elektrik, kadar kutipan ini ditingkatkan kepada 1.6% bermula daripada 1 Januari 2014. Bagi melindungi pengguna berpendapatan rendah, pengguna domestik yang menggunakan elektrik sebanyak 300 kWj dan ke bawah sebulan adalah dikecualikan daripada kutipan ini.
2. Jumlah kutipan KWTBB yang telah dibuat daripada tahun 2012 sehingga tahun 2014 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>2011/2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>
<b>Jumlah Kutipan (RM)</b>	219,241,907	398,212,980	612,793,682*

\* Angka belum diaudit